

07 FEB 2003

MAHATHIR-PERBELANJAAN/I

MAHATHIR: K'JAAN AKAN BELANJAKAN WANG DENGAN CARA YANG LEBIH BERHEMAT

PUTRAJAYA, 7 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di sini hari ini yang kerajaan akan membelanjakan wang bagi rancangan pengembangan dalam usaha merangsangkan ekonomi tetapi ia akan dilakukan dengan cara yang lebih berhemat.

Beliau berkata ada pihak yang telah meminta perkara untuk dilakukan atau disediakan oleh kerajaan yang mana ianya adalah di luar kemampuan kerajaan untuk mengadakannya.

"Mereka meminta kerajaan membelanjakan wang. Kita akan menggunakan wang itu untuk rancangan pengembangan bagi merangsangkan ekonomi tetapi bergantung kepada wang yang kita ada atau jumlah pinjaman yang kita boleh dapatkan," kata beliau.

Kerajaan amat berhati-hati dalam setiap perbelanjaannya, kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan e-Syariah, projek kerajaan elektronik yang ketujuh di bawah aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia.

Dr Mahathir berkata: "Ia bukanlah pengembangan semata-mata tetapi sikap kehati-hatian. Kita tidak mampu untuk "survive" sehingga hari ini ini jika kita tidak tahu menguruskan dana-dana kita."

Kepada satu soalan mengenai samada kerajaan akan memantau krisis yang berlaku di Venezuela, beliau berkata kerajaan akan memantau situasi itu kerana Venezuela membekalkan keperluan ketiga minyak AS.

Jika berlaku sesuatu kepada bekalan, harga minyak akan terjejas, kata beliau.

Menyentuh mengenai cadangan Venezuela untuk mempunyai kadar tukaran tetap berbanding dolar AS, Dr Mahathir berkata: "Kita harap mereka berjaya. Ia bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan."

Dilaporkan yang Presiden Venezuela Hugo Chavez mengumumkan mengenai kekangan pertukaran asing bagi menyokong rizab antarabangsa dan matawang bolivar selepas pihak pembangkang melancarkan mogok yang telah menjejaskan ekonomi negara itu.

-- BERNAMA

LES SHO FR AA